

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**
**SOALAN : Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah
Alam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-
usaha Kerajaan untuk memastikan bekalan
daging dalam negara dapat ditampung atas
kegagalan NFC yang lalu.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah merangka pelan tindakan dan mengambil langkah-langkah mentransformasi industri penternakan negara bagi meningkatkan pengeluaran daging sekaligus menampung keperluan dalam negara.

Pendekatan yang dirangka ini meliputi strategi pelbagai arah bagi memastikan sasaran peningkatan kadar sara diri (SSL) pengeluaran daging negara tercapai. Antara pendekatan yang akan dilaksanakan dan sebahagiannya sedang dimulakan adalah:

- (i) Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) yang merupakan sebahagian dari pelan perancangan pembangunan Program Fidlot Nasional. Melalui program ini, sejumlah 393 usahawan ruminan akan diwujudkan di bawah

RMKe-11 dengan jumlah kawasan seluas 4,774 hektar di lapan (8) buah negeri;

- (ii) Pewujudan Dana Pembangunan Ruminan bagi membantu pengusaha-pengusaha berpotensi untuk membangunkan projek yang lebih kompetitif;
- (iii) Program Penambahan Populasi Induk dan Baka Dalam Negara, melalui perolehan baka dan induk berprestasi dari luar negara;
- (iv) Pembelian Semula Lembu Betina Produktif dan digantikan dengan lembu sembelihan dari pengusaha bagi mengelakkan ianya disembelih. Ini adalah bagi memastikan populasi induk betina tidak menurun yang akan memberi kesan penurunan jumlah kelahiran;
- (v) Program Peningkatan Produktiviti, yang mana program ini adalah bertujuan memastikan pengusaha melaksanakan aktiviti penternakan yang lebih produktif dengan penghasilan yang lebih tinggi;
- (vi) Penubuhan Rakan Ternak dan Program Pewaris Gen XY, bagi meningkatkan minat rakyat terhadap aktiviti penternakan khususnya golongan muda serta memastikan kesinambungan projek yang telah dibangunkan;
- (vii) Penambahbaikan Program Transformasi Usahawan Sektor Ternakan Ruminan (TRUST), melalui sistem pinjaman ternakan yang lebih *reliable* dan *traceable* berorientasikan seperti Pinjaman Bank tanpa faedah (*zero interest*);
- (viii) Cadangan pewujudan Lembaga Pembangunan Ruminan (LPR) akan menumpukan kepada aspek pembangunan industri ruminan dari peringkat ladang, industri pemprosesan, pasaran dan promosi termasuk carian pasaran.
- (ix) Penstabilan Harga *Palm Kernel Cake* (PKC) yang menjadi asas kepada makanan ternakan ruminan dan sepatutnya menjadi

- advantage kepada negara untuk menjadi pengeluar produk ruminan terbesar di dunia, yang mana PKC adalah merupakan hasil sampingan industri sawit yang boleh dijadikan makanan bermutu kepada ternakan ruminan;*
- (x) *Program Pembakaan Swasta yang mana akan meningkatkan penyertaan swasta dalam aktiviti perkhidmatan pembakaan yang bertauliah dan perladangan ruminan baka melalui pewujudan ladang nukleus dan pengganda yang diurus dan dimiliki sepenuhnya oleh pihak swasta; dan*
 - (xi) *Pewujudan Veterinary Transformation Centre (VTC), bertujuan memberikan khidmat Pakar Perunding Profesional untuk sistem perladangan berkualiti dan pengawalan penyakit kepada usahawan dan pelabur dalam industri ternakan.*

Usaha-usaha yang dilaksanakan ini dijangka akan memperkasa dan memacu pembangunan industri ruminan negara agar lebih kompetitif dan berdaya saing sekaligus memastikan kelestarian bekalan sumber daging dalam negara.